

DATE: 2/12/2009

Pada Konvensyen Antarabangsa Uniti Muslim Ke-2 di PWTC Selasa ini 500 tokoh bincang perpaduan ummah



DR. MAHATHIR MOHAMAD

Oleh ROHANI IBRAHIM
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Dis. – Lebih 500 tokoh Islam dari seluruh dunia akan berhimpun di negara ini bagi menghadiri Konvensyen Antarabangsa Uniti Muslim Kedua di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai Selasa ini.

Antara tokoh yang dijadualkan berucap pada konvensyen tersebut ialah anggota Majlis Shura Arab Saudi, Dr. Khalil A. Khalil; tokoh Islam terkenal

um-12/12/09
dari Pakistan, Mufti Muhammad Taqi Usmani; Presiden Majlis Fiqh Amerika Syarikat (AS), Dr. Muzammil H. Siddiq dan tokoh Islam Mauritania, Shaykh Abdur Rahman AlHaji.

Konvensyen anjuran Yayasan Ramadhan iaitu sebuah organisasi belia Islam di United Kingdom (UK) itu bertujuan membincangkan perpaduan umat Islam di seluruh dunia.

Ketua Eksekutif Yayasan Ramadhan, Mohammed Shafiq berkata, Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah konvensyen ekoran reputasi

bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam yang disegani selain dikenali sebagai pejuang keamanan.

“Banyak negara menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi konvensyen ini. Namun, kami memilih Kuala Lumpur kerana kebanyakan tokoh Islam di seluruh dunia begitu kagum dengan Dr. Mahathir.

“Justeru Dr. Mahathir diberikan penghormatan untuk merasmikan dan menyampaikan ucapan bertajuk Seruan Untuk Bersatu-Padu pada

konvensyen tersebut,” katanya pada taklimat media sempena konvensyen itu di PWTC di sini hari ini.

Jelas beliau, antara topik yang akan dibincangkan dalam konvensyen tersebut ialah Islam dan media, peranan dan hak umat Islam, wanita dalam Islam dan seruan untuk bersatu-padu.

Mohammed menambah, konvensyen tersebut akan turut memberikan anugerah kepada lapan tokoh Islam di peringkat antarabangsa di atas sumbangan mereka kepada dunia Islam dan perpaduan ummah.

“Konvensyen Uniti Muslim yang pertama dianjurkan Yayasan Ramadhan pada tahun 2005 di Manchester, UK.

“Kali ini, kesemua tokoh-tokoh Islam berkenaan akan bertemu semula di Kuala Lumpur untuk konvensyen kali kedua,” katanya.

Selain Yayasan Ramadhan, penganjur bersama konvensyen itu ialah Yayasan Kepimpinan Perdana.

Konvensyen itu turut disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta diuruskan oleh My Events International.